Jalan yang pertama, bila kita tidak makan gula, gula kurang di-beli dari luar, maka Kerajaan dapat menyelamatkan foreign exchange.

Yang kedua, bila kita tidak makan gula, kita tidak akan mendapat penyakit kenching manis. Doktor pun tahu. Bila tidak ada penyakit kenching manis, tidak-lah ada doktor yang hendak buat ubat. Sa-chara ta' langsung kita menolong doktor, bermana menolong Kerajaan juga. Ini-lah yang saya nampak yang kita dapat menolong Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dari hari kelmarin sampai hari ini saya tengok Ahli² di-Dewan kita ini berchakap fasal sex. Saya pun naik pening. Fasal sex dan sex filem. Saya berasa hairan, tetapi kita tidak boleh hairan, sebab warganegara kita ini terdiri daripada berbagai² bangsa ia-itu Melayu, China, India. Oleh sebab kita berchampur dengan berbagai bangsa, maka fikiran kita pun berchampur juga. Sa-tahu saya berapa banyak orang² kita daripada intelektual, orang pandai², siswazah² yang keluar daripada universiti, guru² dan pakar² bersetuju atas sex ini. Mereka berkehendakkan pelajaran sex itu di-ajar di-sekolah² menengah supaya mereka itu tahu apa dia sex itu, dan apabila mereka itu tahu, dapat-lah murid² itu menjaga keselamatan-nya supaya jangan murid² ini terkena peranchang oleh penyakit sex. Ahli² bijak pandai² kita memang menyuroh Kerajaan supaya pelajaran sex itu di-ajar di-sekolah². Bagitu juga cherdak pandai kita Ahli² yang mewakili tiga Dewan, ia-itu Dewan Negara, Dewan Ra'ayat dan Dewan Undangan Negeri. Di-antara ketiga² Dewan ini, Dewan Negara ini-lah yang besar sa-kali dan yang tinggi sa-kali. Maka dengan kerana itu, Ahli² Dewan ini-lah yang terpelajar² yang pandai sa-kali sa-patut-nya. Tahu² yang pandai ini pula tidak mahukan sex. Sex ini hendak di-haramkan (ban). Yang pandai tadi mahukan sex, yang pandai berbinchang soal sex. Ini-lah yang meragu²kan saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu-lah Ahli² kita yang berchakap mengenai sex filem ini, dan berapa orang di-antara mereka itu yang sa-benar-nya biasa menuntun filem

sex. Saya ingat sa-tengah-nya tidak tengok, dengar chakapan orang sahaja: tidak mahu sex, tidak mahu sex.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberitahu di-sini bahawa saya biasa tengok. Saya biasa tengok sex filem. Pada pandangan saya, sex filem itu tidak ada apa langsung luhah-nya. Sebab sex filem itu, tidak sa-macam saya dengan isteri saya, begitu juga antara tuan² dengan isteri tuan². Lagu itu juga. Tetapi pekerjaan kita itu tidak di-exhibit, tidak di-tunjokkan (we do not exhibit) kepada dunia. Maka dengan kerana itu kita katakan hak kita ini bukan sex, hak mereka itu adalah sex. Ini yang saya berasa hairan. Saya orang Melayu, orang Islam kita galakkan (encourage) pula dengan sex, maksud saya sex dengan isteri kita. Sa-hinggakan pada tiap² malam Juma'at, Tuan Yang di-Pertua, bagi orang² Islam di-beri-nya pahala lagi. Ini berma'ana di-suroh kita adakan sex pada malam Juma'at. Saya berasa hairan sa-belah pihak kata mahukan sex, manakala sa-belah pihak lagi tidak mahukan sex. Jadi saya serba salah.

Sa-benar-nya, Tuan Yang di-Pertua, sex ini bagi diri saya, pada fikiran saya, sex ini kalau kita enjoykan dengan tidak di-tunjokkan (exhibit) kepada orang ramai tidak-lah jadi apa. Chuma sex yang kita tidak mahu ini ia-lah menunjokkan kepada orang ramai—exhibit melalui talivishen, wayang gambar, dan kita takut budak² kita yang empat lima belas tahun, enam tujuh belas tahun itu akan tengok, sebab mereka ini tidak ada experience, dia tengok² bagus, dia chuba hendak practice. Ini yang kita takut, dan khuatirkan. Maka dengan kerana itu, saya ada-lah menyokong supaya di-ban. Saya menyokong ini kerana takut budak² ini pergi menengok-nya. Bagi kami orang tua² ini, tidak apa. Sunggoh pun sa-orang daripada Ahli Yang Berhormat kita di-sini, Che' Dasimah Dasir menyatakan orang tua yang hendak tengok sangat, saya tidak perchaya, kerana orang tua ini tidak bergerak. Yang bergerak ini ia-lah budak² yang di-takutkan hendak pergi menengok-nya (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini kita tahu bahawa Kerajaan menjalankan pekerjaan sa-chara moden, ia-itu katakana zaman sains dan teknologi. Berma'ana-nya, kita hendak menggunakan sains dan teknologi di-dalam beberapa bidang. Bidang yang pertama sa-kali ia-lah bidang pertanian. Ini

ada-lah satu perkara yang baik, kalau kita boleh bawa pertanian dengan memasokkan sains dan teknologi, maka dapat-lah kita mengadakan pertanian ini sa-teraf dengan negara² lain yang maju di-dunia ini, ia-itu kalau kita boleh suroh orang² buat bendang, dengan menggunakan bukan lagi dengan tenggala, bahkan dengan menggunakan trektor. Dan juga bila memotong padi, tidak lagi dengan memukul bahkan menggunakan alat² moden, maka baharu-lah di-katakan bagus. Kita tahu pada masa ini ada dua irrigation scheme yang besar, ia-itu Rancangan Taliayer Muda di-Kedah dan Rancangan Taliayer Kemubu di-Kelantan. Di-sana mereka sudah menggunakan meshen² kecil, dan sayang sa-ribu kali sayang, kalau tuan² dudok di-sini tentu-lah ta' tahu, tetapi bagi saya yang dudok di-sana saya tahu, sunggoh banyak orang² yang menggunakan meshen² trektor untuk tenggala, kalau kita selideki betul² berapa banyak meshen² yang di-punyaï oleh peladang² itu. Dalam 10 meshen, chuma satu sahaja yang di-punyaï oleh petani², yang 9 meshen lagi itu semuanya mereka sewa daripada orang² luar. Jadi, kalau banyak meshen yang di-sewa, maka petani² ini selalu terpaksa kena bayar mengikut kehendak tuan² sewa itu sendiri. Maka dengan kerana itu, tuan² sewa boleh menaikkan sewa bila² mereka mahu dan ini akan susah-lah kepada petani² itu. Dengan sebab itu-lah pada masa yang lepas, saya telah berchakap dalam Dewan ini mengenai perkara yang tersebut. Kalau betul² Kerajaan hendak menolong petani² ini supaya dapat mereka atau boleh membeli meshen trektor, supaya dapat mereka boleh beli meshen harvest, supaya dapat membeli lain² lagi, maka terpaksa-lah Kerajaan memberi pinjaman wang. Sa-takat hari ini wang yang di-beri itu ta' menchukopi, chuma 40% sahaja petani² itu dapat bantuan. Itu pun ta' menchukopi. Sebab itu-lah saya shorkan kepada Kerajaan patut di-adakan di-kedua² rancangan perayeraan kita ia-itu di-Kemubu dan di-Rancangan Muda supaya di-adakan revolving fund daripada rancangan itu, ia-itu Kerajaan bagikan sekian banyak, kata-lah \$5 juta atau \$10 juta di-bawah kelolaan sa-buah Jawatan-kuasa. Jawatan-kuasa itu-lah yang memberikan peluang meminjamkan kepada petani² supaya dapat membeli meshen dengan banyak, maka dengan chara itu-lah baharu petani² ta' di-perah oleh orang tengah saperti hari ini. Baharu-lah mereka boleh bekerja dengan senang dan

tidak seperti hari ini. Saya nampak chara itu-lah sahaja yang boleh kita menolong mereka itu. Kalau tidak, kita berchakap tentang sains dan teknologi, nama sahaja chakap, tetapi orang yang dapat itu orang lain, petani² ada-lah susah sa-macham petani juga.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi, saya tengok, apabila Kerajaan membuat satu² ranchangan, sa-tengah²-nya terlampau terburu², tercheat sangat. Dan saya takut bila kita buat chepat² sangat, barangkali boleh jadi rosak ranchangan² itu. Sebab saya pernah berchakap sadikit masa dahulu, ia itu satu perkara yang telah saya nampak ta' bagus, dan telah menjadi rosak ia itu perkara tanam getah sa-mula. Pekebun² kechil telah di-beri bukan getah nombor satu, tetapi nombor lima—di-beri clonal stump. Kalau getah yang nombor satu, rakan saya Yang Berhormat Dato' Crawford tentu tahu bahawa yang nombor satu ia-lah budded rubber, yang baik sa-kali. Itu-lah yang nombor satu. Clonal stump ini ta' ada berma'ana, sebab bagi orang yang tahu, dia ta' turut ibu-nya, kalau ibu-nya bagus, dia pun ta' boleh di-tentukan juga. Yang saya tahu sekarang ini banyak yang dapat clonal stump, bila getah-nya di-potong chuma dia boleh dapat 5 kati sahaja. 5 kati harga sekarang ia-lah \$1.75 sen, paling rendah membayar upah untuk orang bekerja, dia kena bayar sa-banyak \$2. Kalau dia dapat \$1.75 ma'ana-nya dia ta' boleh untung. Tetapi kalau di-tanam dengan budded stump ada-lah baik, sa-kurang²-nya dia boleh dapat 15 kati. Ini boleh di-sahkan oleh Dato' Crawford sendiri. Sa-kurang²-nya kalau 15 kati harga-nya \$7 atau \$8, dia bayar upah \$2 maseh untung lagi. Itu-lah saya kata. Sekarang ini saya tahu pegawai² Kerajaan membuat ranchangan menanam koko (cocoa). Ini bagus. Saya tahu koko boleh tumbuh dibawah naongan (shade) tetapi naongan ini dia ta' mahu naongan yang lebeh banyak, dia mahu naongan yang sederhana. Di-ranchangan² tanah yang ada tanaman kelapa, boleh di-tanam dengan koko di-chelah²-nya, dengan sharat sa-kira-nya tanah itu sesuai di-tanam koko. Kalau tanah itu sesuai untuk tanaman koko, boleh kita tanam koko di-chelah²-nya itu dan dengan yang demikian kita boleh dapat dua jenis pendapatan. Satu kelapa, kedua ia-lah koko. Yang menyusahkan hati saya sekarang ia-lah ranchangan yang di-buat oleh Kerajaan ada-

lah terlalu chepat. Saya khuatir orang² kampung apabila mendengar pehak yang mengatakan koko luar baik, dia pergi beli koko yang belum tentu baik dan di-tanam-nya. Perkara ini sangat merbahaya. Sa-patut-nya Kerajaan hendak-lah memberi tahu kapada mereka, kalau hendak di-tanamkan dengan koko, hendak-lah di-beli benih koko yang sa-habis baik sa-kali. Kalau tidak, ta' ada berma'ana, kerana kalau koko itu hidup dan berbuah 10 biji sedangkan koko yang baik ia-lah boleh berbuah sampai 100 biji. Ini tidak berma'ana. Itu-lah yang saya katakan tadi Kerajaan hendak-lah memberi tahu dan mengawasi-nya, dan oleh hal yang demikian saya minta-lah supaya Kerajaan memberi tanggung-jawab ini kapada Jabatan Pertanian untuk mengusahakan-nya supaya dapat di-beritahu dan menolong orang kampung supaya mendapat benih koko yang baik sa-kali. Begitu juga dengan tanaman kelapa bali. Kita terlalu sangat hendak majukan tanaman kelapa bali begitu bagini, tetapi kita ta' tahu. Dengar orang kata bagus, kita kata bagus. Kelapa bali ini pun ada 100 plant lebeh, seperti koko juga ada 100 plant. Plant mana yang baik, itu-lah yang pertama sa-kali. Kalau dapat benih yang baik, baharu-lah dapat di-tanam dengan baik. Kalau ambil benih kelapa bali sahaja, kadang² buah-nya pun ta' ada, pokok-nya ada. Saya ta' mahu berchakap panjang dalam hal ini dan saya harap mendapat perhatian, sungguh pun Menteri-nya ta' ada di-sini.

Saya berharap Kerajaan dapat memberikan tugas yang lebeh kuat kapada Kementerian Pertanian supaya dapat menjaga orang² yang hendak tanam pokok² yang baik² itu seperti koko (cocoa) dan kelapa bali memberi sa-penoh² ajaran kapada mereka supaya di-tanam dengan baka² yang baik. Dengan demikian, kita akan mendapat kemajuan yang chukup. Sekian.

Tuan Mohd. Hanipah bin S. Alaudin: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama² menyokong usul yang di-bawa oleh Tuan Kamarul Ariffin dengan ucapan yang tidak seperti-nya, atas Titah Uchapan Terima Kaseh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda. Saya mengambil peluang ini menyentoh satu dua perkara oleh sebab Ahli² Yang Berhormat telah banyak mem-perkatakan soal² yang berkaitan dengan Titah Uchapan yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, memupok nilai² yang sama bagi asas pegangan semua kaum yang berbilang bangsa di-negara kita hendak-lah di-ambil atau mahu di-amalkan oleh semua gulungan di-dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, jika nilai² ini dapat di-fahami oleh sa-genap lapisan, maka jurang perbedzaan di-dalam semua bidang di-antara kaum² dan gulungan kaya dan miskin, pehak berada dengan tidak berada, kita dapat kurangkan dan dari sa-masa kamasama sa-hingga kedudukan nilai kepada satu paras yang sama atau paras yang adil.

Tuan Yang di-Pertua, jika ini dapat dipandu dengan terator dan berjalan dengan lancar, keputusan-nya saya dapat berkata: pertama-nya kerjasama di-antara ra'ayat dan Kerajaan bagi menghadapi peperangan urat saraf, parti dan pertubuhan kominis, dapat ra'ayat negeri ini menewaskan kominis dengan sa-berapa segera.

Saya dapat membawa perkara ini di-dalam Dewan yang mulia ini oleh sebab di-negeri Kedah ia-lah sempadan dengan Thailand mempunyai unsur² berkaitan dengan gerak langkah parti kominis. Dan beberapa faktor bersangkutan dengan perkara ini harus-lah pehak Kerajaan mengambil perhatian yang berat kepada beberapa masaalah yang telah berlaku di-dalam Malaysia ini terutama saya bawa satu chontoh peperangan urat saraf ini terhadap kepada kumpulan² orang² China yang dudok di-dalam kawasan penempatan sa-mula. Mereka ini ia-lah sa-gulungan daripada ra'ayat pada masa dahulu kita telah letakkan mereka pada satu kawalan di-satu² tempat dan di-kawal dengan rapi pada masa dharurat dahulu. Lama kelamaan hal keadaan-nya telah berubah kepada kebaikan maka kedudukan mereka ini ada sa-tengah² tempat ketinggalan jauh daripada pemerhatian yang sa-wajar-nya. Pemerhatian yang di-maksudkan oleh saya bukan sahaja pada hal perkara² yang berkait dengan fikiran mereka itu, tetapi juga kita mesti-lah kaji masa'alah² hidup mereka itu. Saya perchaya Kerajaan kita telah ada mempunyai hasrat dan tujuan² juga mempunyai dasar² untuk memperbaiki, bagi mengawal pehak² ini, tetapi sa-takat tinjauan yang saya tahu layanan² maseh serba kekurangan. Perkara ini kalau di-biar larut atau pun tindakan itu tidak di-buat dengan segera. Saya fikir nanti kita akan menghadapi benchana yang lebeh besar, akibat yang lebeh besar berkehendakkan

Kerajaan mengeluarkan ongkos perbelanjaan yang lebeh besar, pengorbanan yang lebeh besar, oleh sebab kawalan dan layanan itu sangat kurang. Ada sa-tengah² tempat mithalan-nya satu kawasan penempatan sa-mula, beberapa tahun dahulu, mereka itu telah di-tempatkan dalam satu kawasan dengan mempunyai pagar dan rumah, tetapi sa-lepas beberapa tahun mereka telah beranak pinak, telah menambah keluarga² mereka itu, mereka itu juga ada perasaan. Perasaan ini-lah yang saya sebutkan dan saya kaitkan dengan Uchapan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong memupok nilai harmoni maka datang-lah keadilan itu supaya tidak dapat mereka itu di-pengarohi oleh perang urat saraf yang di-bawa oleh fahaman² kominis daripada luar atau dalam negeri. Tuan Yang di-Pertua, kita semua sa-bagai manusia biasa, sa-bagai anak² muda dan orang² dewasa juga kalau tidak di-kawal dengan satu undang² berdasar tata tertib atau satu peratoran, maka kita juga harus akan mengalirkan diri kita kepada satu aliran burok yang kita tidak menyedari. Saya memandang perkara ini berat. Di-satengah estate terpenchil jauh kita membuat rancangan kemajuan pada tempat² yang kita fikir mustahak pada satu perkara, tetapi akibat anchaman kominis ini sangat merbahaya kalau kita memandang pergolakan siasah di-dalam negeri kita di-sekeliling negara kita atau negara tetangga kita yang berdekatan dengan kita sekarang. Saya harap pada pehak Kerajaan mengambil tindakan yang tegas sa-berapa chepat untuk menyelaraskan supaya nilai yang antok ini dapat berjalan supaya fahaman² peperangan urat saraf daripada pehak² kominis itu tidak dapat berjalan masok ka-dalam pehak² orang² China yang terutama-nya yang disebut sa-bagai orang² China miskin.

Kalau memperkatakan orang China miskin yang saya maksudkan, Tuan Yang di-Pertua, mereka ini sangat senang di-pengarohi. Hanya bekerja pada pagi dan petang, pada satu pagi-nya dapat nasi dan malam-nya dapat moi, mereka kebanyakan bekerja menanam sayor²an. Kumpulan dari hasil jualan juga di-kawal oleh orang China pertengahan. Kedudukan mereka tidak terjamin maka mereka ini akan membahayakan negara kita. Maka patut di-awasi dan di-beri pertolongan yang sa-wajar-nya apa yang patut.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentoh berkenaan dengan penyertaan orang² Melayu dan bumiputra di-dalam bidang perniagaan dan perusahaan. Ini akan dapat tercapai matlamat 30% sa-kurang²-nya di-dalam 20 tahun. Ini sangat-lah mustahak. Kerajaan hendak-lah mengkaji sa-tahun demi sa-tahun banyak-nya bumiputra yang mengambil bahagian di-dalam bidang yang saya sebutkan tadi dengan kerana apa, mengikut fahaman saya orang² Melayu bila mendengar dasar ekonomi baharu Kerajaan sekarang banyak telah terburu² masing² masok di-dalam bidang tersebut, tetapi di-dalam masa sa-tahun berapa peratus yang telah patah di-tengah jalan. Dan berapa peratus daripadanya yang telah berjalan dan bagitu juga berapa banyak yang baharu masok pula. Sebab apa kejadian kegagalan itu berjalan, di-sebabkan oleh beberapa faktor. Tuan Yang di-Pertua, saya di-fahamkan ramai bumiputra yang chuba mengambil peranan di-dalam bidang ini, tetapi kadang kala-nya tidak menggalakkan. Oleh sebab kurang amalan atau pun kemudahan² daripada sa-tengah² Kementerian² yang bersangkutan. Dan sa-tengah-nya di-sebab oleh sedikit² pegawai kanan negeri² atau pun di-pusat. Bagitu juga kurang-nya kemudahan² daripada bank² perniagaan. Pada dasar-nya Kerajaan kita mengadakan bank² perniagaan hendak menolng sa-berapa daya untuk memenuhi tujuan² atau dasar Kerajaan kepada bumiputra di-dalam bidang yang di-sebutkan tadi.

Pada amalan-nya, Tuan Yang di-Pertua, banyak-lah cherita² atau pun kenyataan² bagi masyarakat dan telah pun biasa di-kemukakan kepada pehak² yang berkenaan. Amalan² yang menjadikan gulongan atau pasokan yang masok itu patah di-tengah jalan atau gagal ranchangan² mereka di-jalankan dalam segi swasta mereka itu dan perniagaan atau perusahaan perdagangan yang telah di-buat oleh mereka itu. Maka dengan sebab itu-lah kita dengar juga di-dalam surat khabar pada hari ini Menteri Kewangan menyatakan perjumpaan dengan bank² supaya dapat mengatasi, pemberian kemudahan kepada pehak² peniaga² kechil di-luar² bandar.

Selain daripada itu juga yang menjadi kelemahan oleh sebab sa-tengah sektor sendiri yang bukan bumiputra tidak bagitu memberi galakkan atau memberi kerjasama

yang baik, walau mereka itu tidak menindeh dengan chara terang² tetapi semangat, perasaan yang saya sebutkan tadi ia-itu memupok nilai yang sama bagi asas pegangan semua kaum itu tidak berjalan. Maka perasaan daripada pehak² swasta yang bukan bumiputra maseh berkurangan.

Tuan Yang di-Pertua, semua ini saya kira, ia akan berjalan dengan baik untuk memenuhi tujuan Kerajaan, saperti yang terkandung di-dalam naskhah Titah Uchapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, jika sa-kira-nya tiap² pehak bersikap adil, ia-itu saperti yang di-sebutkan tadi memupok nilai yang sama, sikap adil pada asas nilai, maka jurang perbedzaan pehak yang berada dengan yang tidak ada akan dapat di-kurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka menyentoh sedikit berkenaan dengan filem sex. Saya berasa tidak puas hati kalau ta' berchakap dalam hal ini. Oleh sebab, Tuan Yang di-Pertua, saya sa-orang yang suka melihat filem² yang banyak sa-kali di-dalam dunia. Ini saya kira, kalau orang lain kira, saya tidak tahu (*Ketawa*), filem² yang saya tengok, Tuan Yang di-Pertua, saya ta' kira filem apa, filem Tionghua, filem Melayu dari mana negeri juga, filem orang puteh daripada mana negeri juga, apa bahasa juga walau pun, filem Hindustan, filem India. Sebab apa dan tujuan apa? Saya kira, saya ada-lah mempunyai fikiran untuk memikirkan, melihat kandungan² di-dalam filem² termasuk-lah filem yang di-katakan tidak ia-itu di-dalam-nya yang di-katakan sex, tetapi boleh-lah kita sentohkan filem sex. Bagitu juga sering kali kalau ada, saya juga saperti kata orang Kedah, (sepit² pergi lihat). Di-dalam filem itu, bila kita perhatikan ada mengandongi berbagai² faktor di-dalam-nya. Tetapi di-dalam tiap² filem, saya tengok, mithalan-nya filem orang² Tionghua yang cherita-nya 1,000 tahun dahulu, mithalan-nya dia ada juga mengandongi di-dalam cherita² sex merupakan cherita² jantina atau sex. Bagitu juga kita tengok cherita² orang India, Hindustan dan lain² bangsa, cherita² yang mengandongi termasuk babak²-nya ada juga sex. Tetapi yang menjadi soal kepada kita hari ini, yang berkaitan dengan Titah Uchapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ini ia-lah masaalah sex yang di-tunjokkan sekarang ini ada membawa unsur kepada keruntohan akhlak, atau adat istiadat, atau pun tata-susila negara kita.

Kalau itu kita persoalkan, saya hairan kalau kita tengok cerita Tionghua 1,000 tahun atau 500 tahun dahulu, bagaimana raja²-nya, orang² besar-nya mempunyai gundek² yang banyak, tetapi chara ia mengadakan perhubungan sex, chinta-nya perhubungan chara bagaimana ia menunjukkan-nya, tidak ada sa-bagaimana yang terjadi pada filem² yang di-katakan-lah sex pada masa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli² Yang Berhormat tentu bersetuju dengan saya bahawa sex satu perkara yang ta' boleh di-hapus, atau di-pinda daripada manusia yang semula jadi tiap² orang ada kemahuan itu, tetapi juga kita di-beri fikiran.

Saya kira, jika kita tidak ada satu undang², atau peratoran, atau adat atau tata susila, maka gulongan² manusia pada masa² itu akan menuju kehanchoran. Kalau kita tengok, binatang² juga ada jantina. Kalau kita lihat kambing, kita lihat anjing, ia juga mempunyai jantina sa-bagai manusia. Binatang² itu juga menjalankan pekerjaan dengan tidak ada kesopanan, sebab tidak ada mempunyai otak untuk berfikir. Kita di-beri oleh Allah fikiran untuk membezakan tempat mana yang boleh di-tunjok, tempat mana yang tidak boleh di-tunjok. Itu sahaja perbedzaan yang patut kita ambil pada hari ini sa-kira-nya keluasan, meluas² pertunjukan yang di-tunjokkan didalam filem² sex ini, jika di-bebaskan, harus akan merosakkan seluruh adat-resam, akhlak yang saya tahu gulongan besar kita orang Melayu, orang China, orang India pada zaman dahulu lagi mereka itu juga semua bangsa ini mempunyai akhlak, mempunyai sopan, peribadi yang baik. Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong di-atas chadangan supaya di-adakan Jawatan-kuasa untuk menapis dan membuat shor² supaya dapat meletakkan filem² itu pada satu nilai di-antara maju dan perkembangan kebudayaan negara kita ini.

Sekian-lah sokongan saya, Tuan Yang di-Pertua, di-atas usul yang di-bawa ini.

Tuan Syed Hassan Aidid: Tuan Yang di-Pertua, saya juga berdiri menyokong usul yang di-bawa oleh Yang Berhormat Enche' Kamarul Ariffin tentang Titah Uchapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Banyak masalah² yang telah di-sentuh oleh rakan² saya, tetapi saya juga sa-bagai Ahli² Yang Berhormat yang lain, suka ber-

chakap serba sedikit di-atas pekara² yang saya nampak penting.

Pertama-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh perkara ekonomi yang bersangkutan dengan soal penganggoran. Ini akan melibatkan ekonomi negara terutama di-Pulau Pinang, lebeh kurang 40,000 orang yang menganggor. Sungguh pun Kerajaan Pulau Pinang sedang giat mengadakan berbagai² perindustrian, bagaimana pun ini tidak akan mengatasi atau menyelesaikan perkara ini.

Ra'ayat Pulau Pinang menghadapi serba kekurangan, kalau di-bandingkan dengan negeri² yang lain di-tanah besar. Kita tidak mempunyai tanah, tidak mempunyai lombong dan juga ladang² getah. Oleh yang demikian, saya merayu kepada Kerajaan Pusat, mengambil daya usaha supaya mengambil perhatian yang berat kepada kami dengan memberi peluang² kepada belia² kita mendapatkan tanah² di-tanah besar (mainland) untuk menjamin kehidupan mereka. Bagitu juga saya berharap di-dalam lapangan yang lain.

Dengan keadaan bagini juga, saya berharap supaya Kementerian Pelajaran menambahkan lebeh banyak lagi vocational schools di-Pulau Pinang supaya kanak² kita dapat menampung kehidupan mereka. Kita tidak-lah boleh berharap sangat² dengan memakan gaji dan dengan ada-nya pelajaran kemahiran, maka dapat juga mereka men-chari nafkah.

Satu masalah yang saya suka juga merayu kepada Urban Development Authority (UDA) Di-Pulau Pinang, sa-bagaimana Ahli² Yang Berhormat tahu, harga tanah sangat-lah mahal, tambahan pula di-bandar, dan sa-bagaimana Kerajaan suka menggalakkan orang² Melayu dan bumiputra mengambil bahagian di-dalam perniagaan dan per-usahaan, tetapi dukachita oleh kerana tanah² di-bandar sangat-lah mahal, maka orang² Melayu dan bumiputra yang tinggal di-luar bandar tidak-lah dapat mengambil bahagian di-dalam lapangan ini. Oleh yang demikian, saya merayu supaya UDA memberi keistimewaan untuk membena Melayu berhijrah daripada kampong² dan kedai² di-bandar supaya dapat orang² pergi ka-bandar untuk mengubah chara hidup mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kita patut beri sa-tinggi² tahniah kepada Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri, yang sungguh² giat berusaha menjayakan Rancangan Malaysia Yang Kedua. Tetapi 3 faktor yang saya nampak kalau-lah kita hendak rancangan ini berjaya 100%.

Pertama-nya, pehak² swasta mahu-lah jujur dan mengambil peranan yang penting untuk menolong orang² Melayu dan bumiputra.

Kedua, bagitu juga di-harap pegawai² Kerajaan yang berkenaan mahu-lah juga jujur dan menjalankan kerja² mereka bukan sahaja di-dalam pejabat, tetapi hendak-lah mereka keluar menemui ra'ayat menerangkan apa dia Rancangan Malaysia Kedua itu dan apa-kah peluang yang patut mereka dapat, khas-nya di-kampong², kerana saya perchaya ramai daripada orang² Melayu dan bumiputra tidak tahu, apa-kah dia Rancangan Malaysia Kedua itu, dan mereka tidak tahu di-mana-kah mereka hendak menuju untuk mendapatkan peluang² untuk memperbaiki hidup mereka.

Ketiga, Tuan Yang di-Pertua, orang² Melayu sendiri dan juga bumiputra mahu-lah tukar sikap dan mahu-lah berusaha dan berani menghadapi chabaran² baharu ini.

Tuan Yang di-Pertua, usaha Kerajaan hendak membasmikan kemiskinan di-negara ini sangat-lah di-sanjong tinggi. Tetapi kita tidak dapat mencapai tujuan ini sa-kiranya harga barang² keperluan makin melambong lebeh kurang 10% sa-hingga 30%. Orang² yang terlibat ia-lah orang² di-kampong yang mana pendapatan mereka sangat-lah berkurangan ia-itu lebeh kurang antara \$30 sa-hingga \$50 sa-bulan. Ini akan meninggalkan kesan² burok kepada ra'ayat di-luar bandar. Kesemua ini penyakit yang datang yang ta' lain dan ta' bukan kerana Sales Tax sa-banyak 5%, tetapi dukachita pekedai² telah pun mengambil peluang menaikkan harga barang² ini sa-bagaimana yang saya katakan tadi.

Kita sedar dan kita tahu benar² bahawa Kerajaan berkehendakkan wang untuk melaksanakan Rancangan Malaysia Kedua, tetapi jangan-lah Kerajaan pada masa akan datang menaikkan cukai yang akan melibatkan orang² miskin. Saya berharap Kerajaan hendak-lah menchari jalan lain supaya mengenakan cukai kepada orang² yang berada.

Perkara sex, yang sa-benar-nya, saya belum lagi biasa melihat gambar atau filem sex ini, chuma saya dengar sahaja, tetapi masaalah filem sex ini, kalau kita pandang dari segi ugama, oleh kerana Ugama Islam ada-lah Ugama Rasmi di-negara kita ini, sudah sa-wajar-nya kita menghormati undang² Islam dan perkara ini saya perchaya akan merosakkan akhlak dan moral pemuda² kita di-tanah kita yang kita kasehi ini. Tetapi bukan sahaja soal filem sex yang patut dikaji, bahkan ada masaalah² lain umpamanya hippis² yang datang daripada luar negeri. Mereka telah menjolok mata orang² kita sa-hingga saya perchaya di-Pulau Pinang baharu² ini mereka sanggup mandi berbogel di-tepi² pantai. Ini akan meruntuhkan akhlak dan moral belia² kita.

Jadi apa yang saya maksudkan di-sini bukan-lah sahaja Kerajaan patut mengkaji soal² filem sex, bahkan mahu-lah di-ambil perhatian dan tindakan kepada hippis² yang datang daripada luar negeri dan juga semua floor show yang sa-tengah²-nya menunjukkan tarian bogel dan sa-paroh bogel.

Lagi satu masaalah, Tuan Yang di-Pertua, yang telah di-bangkit²kan di-dalam Dewan yang mulia ini ia-itu masaalah perajurit² kita. Pada masa ini Kerajaan sedang bergiat untuk melancarkan Dasar Ekonomi Baharu, Kerajaan juga sedang menghadapi anchaman kominis. Patut-lah kita beri pujian dan tahniah kepada perajurit² kita yang mengorbankan nyawa mereka untuk mempertahankan tanah ayer kita yang di-kasehi ini. Oleh sebab yang demikian, saya berharap jangan-lah Kerajaan memandang sepi atas nasib perajurit² ini. Berikan-lah segala kemudahan², biar pun dari segi gaji, penchen² dan sa-bagai-nya, khas-nya mereka² yang telah berkhidmat sa-lama 12 tahun supaya dapat mereka hidup dengan sempurna. Kita telah dengar perkara ini di-bawa dalam Dewan yang mulia ini, tetapi kita belum lagi tahu apa-kah hasil penyiasatan itu. Dan saya berharap supaya Kerajaan bertindak tegas supaya mereka dapat mene'mati kehidupan yang sempurna.

Sekian-lah, Tuan Yang di-Pertua, lagi sa-kali saya menyokong usul yang di-bawa oleh Enche' Kamarul Ariffin. Terima kaseh.

Dato' Haji Abdul Razak bin Hussin: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kaseh kerana di-beri peluang untuk berchakap dalam Dewan yang mulia ini, tetapi

sa-bagai sa-orang ahli baharu, saya belum dapat menyesuaikan diri saya dengan Dewan yang mulia ini. Saya telah mengkaji latar belakang kedudukan dan peranan Dewan ini dalam masa yang sengkat, tetapi walau bagaimana pun sa-bagai sa-orang ahli Dewan, saya terpaksa bangun, lebeh² lagi sa-bagai ahli baharu yang dudok dalam Dewan ini. Walau pun pada niat saya, saya hendak berchakap pada pagi Juma'at sa-bagai mengulangi hari permulaan saya berchakap dalam Dewan Ra'ayat tempoh hari. Tetapi peluang ke-emasan ini saya ambil mudah²an saya boleh menyambong ucapan saya besok, jika di-izinkan Allah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Uchapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah di-bentangkan dan menyampaikan Titah-nya dalam Dewan Ra'ayat tempoh hari, ada beberapa faktor yang patut kita kaji, kita tinjau dan kalau boleh kita laksanakan hasrat dan chita² Kerajaan. Dalam soal ekonomi baharu, atau Dasar Ekonomi Baru yang di-jalankan oleh Kerajaan ini, pada hemat saya, ketegohan politik mesti-lah di-asaskan lebeh dahulu.

Baharu² ini, Tuan Yang di-Pertua, kita mengalu²kan Kerajaan Champoran di-Pulau Pinang, Kerajaan Champoran di-Perak, walau pun pada umum-nya tidak di-teliti lagi oleh Kerajaan Pusat, supaya PPP di-Perak masok berchampur di-dalam Kerajaan Pusat, dan baharu² ini kita dengar dalam surat² khabar atas kesanggupan Kerajaan PAS Kelantan masok bergabung dengan Parti Perikatan dalam Kerajaan Champoran di-Kelantan. Hanya soal yang menjadi perhe-tongan sekarang ini, siapa-kah yang meminta dan siapa yang kena minta. Pada hemat saya, Tuan Yang di-Pertua, menjalankan Dasar Ekonomi Baru dalam tempoh 20 tahun akan datang ada-lah berkehendakkan sokongan yang kuat bukan sahaja dari seluroh ra'ayat Malaysia ini, tetapi juga kesanggupan kerjasama daripada tiap² Kerajaan dalam Malaysia. Kalau sa-kira-nya offering yang

telah di-tawarkan oleh satu pihak, saya fikir, ada baik-nya Kerajaan sendiri mengkaji perkara ini dengan halus-nya.

Saya tidak hendak berchakap tentang soal parti dalam Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua, tetapi ini-lah permulaan-nya yang saya fikir patut Kerajaan mengkaji di-atas-nya. Jolokan² daripada sa-belah pihak dan penerimaan dari sa-belah pihak, atau perhatian dari sa-belah pihak, walau pun saya tidak mempunyai kenyataan rasmi, tetapi saya mengikuti perkembangan akhbar dan ulasan² surat khabar di-dalam tanah ayer kita.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu ada beberapa faktor lagi yang patut kita kaji. Pegawai² Kerajaan dari kakitangan Kerajaan dalam masa melancharkan Rancangan Malaysia yang kedua ini hendak-lah ia-nya memberi semangat, fahaman, iktikad dan tujuan Kerajaan menjalankan dasar ekonimi baharu. Saya tidak menudoh kakitangan dan pegawai² tidak tahu dan tidak faham. Apa yang saya mahu semangat dan hakikat yang di-kehendaki oleh Kerajaan ada tersemat dalam hati sanubari. Kita harapkan pegawai² Kerajaan yang akan datang, tidak hanya berkhidmat sa-takat pukul 4 sahaja. Sa-lepas itu akan mengambil kayu golf-nya ka-padang golf. Jangan-lah kita ukor dari pemberian gaji yang kita terima tetapi pegawai Kerajaan mesti-lah mengukor dari hasrat dan chita² ra'ayat, kehendak Kerajaan supaya negara kita bangun dengan chepat. Saya pernah pergi ka-satu negara yang hampir dengan kita. Saya bertanya mana-kah kapal terbang yang paling baik sa-kali layanan dan sa-bagai-nya. Sharikat dalam negara itu di-antara beberapa sharikat kapal terbang yang dalam dunia ini. Sharikat negara-nya yang sa-bahagian daripada Sharikat yang paling baik dalam soal penerbangan. Saya ambil chontoh perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, erti-nya kakitangan Kerajaan dalam negara itu dengan sendiri memberi harapan, memberi gambaran kebaikan dasar Kerajaan yang tempat mereka berkhidmat dan makan gaji.

Saya tahu sa-tengah² daripada kaki-tangan Kerajaan yang ada hari ini seperti kata pepatah Melayu tetapi bukan semua, telunjok lurus, kelengking berkait. Ada sa-tengah² kakitangan Kerajaan sekarang ini menuduh dasar ekonomi kita ini tidak realistik, itu kurang, ini kurang. Tetapi saya Government servant, I obey the order, kata dia. Jadi fahaman itu-lah yang mesti dibenteras dalam hati dan jiwa pegawai dan kakitangan kita. Saya tidak menuduh semua, tetapi ada di-antara mereka itu walau pun saya tidak patut berchakap dalam Dewan ini meriwayatkan kepada semua cerita yang saya terima kerana mereka tidak ada wakil yang boleh membahathkan atau menafikan apa yang saya cerita dan saya ucapkan ini.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, badan swasta. Badan swasta juga-lah perlu memberi kerjasama yang baik bagi melaksanakan rancangan dasar ekonomi baharu ini dari segi perburohan, dari segi mengambil pekerja, dari segi mengambil pegawai tinggi, executive dan sa-bagai-nya hendak-lah ada kerjasama daripada badan swasta. Kata-lah umpama-nya sekarang ini sharikat rokok di-tanah ayer kita sekarang ini kita tahu ada sa-orang daripada-nya menjadi Chairman dalam sharikat itu. Saya boleh mengatakan berapa orang yang menjadi executive yang tinggi sa-lain daripada jadi Chairman. Saya tidak maksud hendak menamakan apa sharikat saya sebutkan tetapi tuan² yang bijaksana dalam Majlis yang mulia ini boleh mengagak dan mengukur di-mana pergi ucapan saya ini. Apa yang saya kehendaki, Tuan Yang di-Pertua, badan swasta ini mesti-lah memberi peluang kepada bumiputra, kepada orang Melayu di-samping orang² asing yang lain. Pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, umpama-nya sa-buah sharikat surat khabar yang director-nya maseh 8,000 batu jauh-nya dari tanah ayer kita ini walau pun baharu² ini ada sa-orang dua daripada-nya di-lantek menjadi director.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu untuk memajukan rancangan ekonomi

baharu ini, dasar ekonomi baharu ini, sebaran am juga perlu. Daripada apa segi sa-kali alat yang kita gunakan radio, talivishen, perkhbaran, pementasan mesti kita tujukan bagi mengubah fikiran ra'ayat daripada yang sekarang ini kepada tujuan dan chita² masyarakat. Pemikiran ra'ayat ini-lah yang perlu di-perbaiki yang perlu diubah fahaman menerima sebab kaum nelayan umpama-nya mengubah nasib-nya menjadi petani, ini mengambil masa yang lama, mengambil peluang yang panjang. Jikalau alat sebaran am ini tidak kita gunakan atau alat sebaran am ini umpama surat khabar, radio dan sa-bagai-nya tidak memberi sa-penoh sokongan di-samping membunyikan perkara² yang merosakkan, maka chita² mengubah fikiran ra'ayat tidak dapat sa-chepat yang kita kehendaki. Maka sa-lain daripada itu, tentu-lah nyata dan betul bahawa ra'ayat-lah yang mempunyai penerangan yang kuat bagi menjayakan rancangan pembangunan ini. Daripada faktor yang saya sebutkan tadi, Tuan Yang di-Pertua, nyata-lah menjayakan dasar ekonomi baharu ini bukan terhad kepada Kerajaan sa-mata², bukan-lah terhad kepada orang ramai sa-mata² tetapi juga terhad terjumlah kepada perkara² yang lain lagi termasuk swasta, sebaran am, akhbar dan lain². Saya suka menyentoh, Tuan Yang di-Pertua, dalam soal kekurangan ternakan dan makanan di-negara kita ini. Pada hari ini kita membelanjakan berpuluh² juta ringgit atau berbelas juta ringgit bagi memasokkan, mengimpotkan binatang ternakan yang menjadi sembelehan, menjadi makanan bagi kita terutama lembu. Baharu² ini Yang Berhormat Menteri Pertanian berchita² hendak membeli atau memasokkan lembu² dari Indonesia. Saya menhadangkan kepada Kerajaan supaya urusan ternakan ini di-buat sa-chara besar²an sama dengan membuat pembukaan tanah. Jadi beri-lah galakan kepada badan swasta boleh membuka ladang lembu, ladang ternakan, ladang kambing, kita memberi kemudahan tanah dan tempat supaya negeri kita ini bergantung makanan

kita, daging lembu, susu kapada negeri kita sendiri. Sa-lain daripada itu, dapat kita membanyakkan makanan bagi ra'ayat negeri ini. Dengan pembukaan dengan chara besar²an ladang ternakan ini kelak akan boleh menampung pekerjaan yang banyak kapada ra'ayat jelata. Dalam masaalah ini bukan sahaja kita dapat banyak hasil bagi negara kita tetapi ini boleh kita memberi pekerjaan kapada ra'ayat.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu berchakap masaalah kominis di-tanah ayer kita sekarang, kita tahu kominis ada di-perbatasan utara di-negeri kita dan juga di-perbatasan Sarawak di-Malaysia. Tentera

kita bekorban menyabong nyawa. Pasokan keselamatan kita bekorban menyabong nyawa. Sa-sunggoh-nya boleh-lah kita katakan hari ini kesejahteraan negara kita sekarang ia-lah dalam kawalan tentera kita atau pasokan keselamatan. Saya menyokong bahawa kebajikan mereka itu mesti-lah di-kaji

Tuan Yang di-Pertua: Ahli² Yang Berhormat, meshuarat ini di-tanggohkan hingga pukul 2.30 hari esok, 12hb Mei, 1972.

Dewan di-tanggohkan pada pukul 6.30 petang.